



Pada 30 dan 31 Mac 2010 yang lalu, Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti (UTLC) telah mengadakan **Bengkel Modul Guru Wajib (MGW) Fasa 1** di Darulaman Suites, Jitra. Bengkel dua hari ini telah dihadiri oleh tiga puluh (30) orang peserta iaitu penggubal-penggubal yang terdiri daripada Pensyarah dan Pegawai Tadbir yang berpengalaman di dalam bidang tugas masing-masing.

Bengkel Modul Guru Wajib (MGW) ini diadakan bagi tujuan menyediakan silibus kursus dan modul kursus berkenaan yang akan diguna pakai bagi Kursus Kompetensi Wajib Guru Bahasa di UUM. Bengkel ini dilaksanakan mengikut dua fasa, iaitu Fasa 1 dan Fasa 2.

Fasa 1 ini merupakan fasa di mana penggubal-penggubal akan menyediakan silibus kursus dan kerangka atau struktur serta isi kandungan yang akan dimuatkan dalam modul kursus berkenaan.

Manakala Fasa 2 merupakan fasa di mana penggubal-penggubal menyiapkan penulisan modul kursus masing-masing berdasarkan silibus dan kerangka atau struktur serta isi kandungan yang telah ditetapkan dalam Fasa 1.

Peserta-peserta telah dibahagikan kepada dua puluh dua (22) kumpulan mengikut bidang masing-masing bagi membincangkan dan menyediakan silibus kursus yang telah ditetapkan.

Habis.

=====
Daripada:
Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti (UTLC)
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok
Kedah Darul Aman
Tel.: 604-9284051/4053/4055/4058/4056
E-Mail: utlc@uum.edu.my
Website : www.utlc.uum.edu.my